

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

ATP 201 - Perakaunan Kewangan II

Masa : [3 Jam]

Jawab KESEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan dari TIGA soalan daripada Bahagian B. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah EMPAT.

BAHAGIAN A

1. [a] Nyatakan 3 pihak utama yang terlibat di dalam sistem maklumat perakaunan. Bincangkan kedudukan mereka mengenai maklumat yang diinginkan di dalam penyata kewangan.

- [b] Andaikan bahawa anda telah ditugaskan untuk mengaudit rekod Syarikat Peralatan Texas yang memulakan operasi di Kuala Lumpur di dalam tahun 1987. Anda mendapati bahawa mesin mencetak yang mempunyai kos \$90,000 telah dianggap sebagai belanja dan dimasukkan ke dalam Penyata Pendapatan. Encik Ahmad, pengarah Syarikat Peralatan Texas mengatakan bahawa cara pengendalian kos mesin mencetak yang dilakukan selama ini adalah selaras dengan pengendalian kos mesin mencetak di dalam syarikat-syarikat lain yang telah ditubuhkannya di Melaka, Kedah, Trengganu dan Pulau Pinang pada beberapa tahun yang lalu. Ia juga menegaskan bahawa prinsip konservatif dan juga sifat-sifat kualitatif perakaunan seperti berterusan dan perbandingan menyokong cara pengendaliannya terhadap kos mesin mencetak itu.

...2/-

Dikehendaki :

- [i] Nilaikan cara pengendalian Encik Ahmad berdasarkan sifat dan prinsip yang telah dinyatakan.
 - [ii] Pada pendapat anda, cara apakah yang sesuai bagi pengendalian kos mesin mencetak itu.
 - [iii] Gunakan aspek-aspek di dalam konsep rangkakerja untuk menyokong pendapat anda.
- [c] [i] Beberapa butiran luarbiasa ditunjukkan berasingan di dalam penyata pendapatan selepas bahagian biasa. Senaraikan butiran-butiran ini dan terangkan mengapa ianya tidak dimasukkan di dalam "pendapatan daripada operasi berterusan".
- [ii] Terangkan secara terperinci dan sertakan contoh-contoh bagi butiran ini.

[25 markah]

2. Syarikat Toyboat memulakan perniagaannya pada 1hb. Januari 1984. Baru-baru ini syarikat menemui beberapa masalah berhubung dengan pendedahan penyata pendapatan bagi tujuan lapuran kewangan.

Anda sebagai seorang akauntan telah ditugaskan oleh Syarikat Toyboat memeriksa data yang berikut bagi tahun ini.

Syarikat Toyboat
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31/12/1987

Jualan	\$ 9,500,000
Kos barang-barang dijual	\$ 6,000,000

Untung kasar	\$ 3,500,000
Belanja jualan dan pentadbiran	\$ 1,300,000

Pendapatan sebelum cukai	\$ 2,200,000
Cukai (45%)	\$ 990,000

Pendapatan bersih	\$ 1,210,000
	=====

...3/-

Maklumat berikut juga diberikan :

- [a] Pegawai bertugas menyatakan bahawa syarikat mengalami kesukaran di dalam mengutip beberapa akaun belum terima. Oleh kerana ini, hutang lapuk yang dihapuskan telah ditambah daripada 1% kepada 2% jualan. Pegawai juga mengatakan jika kadar ini digunakan pada tahun lepas, belanja pada tahun lepas akan bertambah sebanyak \$30,000. Belanja hutang lapuk bagi tahun ini telah dikira dengan menggunakan kadar baru dan ianya adalah sebahagian daripada belanja jualan dan pentadbiran.
- [b] Bilangan saham biasa yang telah diterbitkan pada tahun 1987 berjumlah 600,000. Tiada saham tambahan yang dibeli atau dijual pada tahun 1987.
- [c] Toyboat juga mengambil kira bahawa :
 - [i] Inventori yang berjumlah \$56,000 telah menjadi usang.
 - [ii] Kerugian malapetaka yang dialami oleh syarikat berjumlah \$60,000 selepas cukai (butiran luarbiasa).
- [d] Perolehan tertahan pada 1hb. Januari 1987 ialah \$3,600,000. Dividen tunai sebanyak \$500,000 telah dibayar pada tahun 1987.
- [e] Pada bulan Januari 1987, Syarikat Toyboat telah menukarkan kaedah perakaunan bagi aset jangka panjang daripada kaedah garis lurus kepada kaedah baki berkurangan. Pegawai yang bertugas telah menyediakan satu jadual yang menunjukkan jumlah susutnilai bagi tahun-tahun lepas jika kaedah baki berkurangan telah digunakan (kadar cukai bagi tahun 1984, 1985 dan 1986 ialah 40%).

...4/-

Tahun	Belanja Susutnilai	Belanja Susutnilai	Perbezaan
	Garis Lurus	Baki Berkurangan	
1984	\$ 75,000	\$ 150,000	\$ 75,000
1985	\$ 75,000	\$ 112,500	\$ 37,500
1986	\$ 75,000	\$ 84,375	\$ 9,375
	\$225,000	\$ 346,875	\$121,875

[f] Pada tahun 1987, Toyboat mendapati bahawa ada dua kesilapan yang telah dilakukan pada tahun-tahun lepas iaitu :

[i] Semasa pengiraan inventori dibuat pada hujung tahun 1984, satu daripada kertas kiraan telah hilang dan dengan ini, inventori akhir bagi tahun 1984 telah berkurang dinyatakan sebanyak \$95,000. Inventori bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 telah dikira dengan betul.

[ii] Pada tahun 1986, syarikat telah lupa untuk mencatatkan \$20,000 sebagai belanja komisen jualan. Kadar cukai bagi tahun 1984, 1985 dan 1986 ialah 40%. Komisen jualan bagi tahun 1986 telah dimasukkan di dalam belanja 1987.

Dikehendaki :

Anda ditugaskan menyediakan penyata pendapatan bagi syarikat Toyboat mengikut cara pendedahan yang betul. Tunjukkan juga pendapatan bersih sesaham.

[25 markah]

BAHAGIAN B

3. [a] Di bawah ini ialah kunci kira-kira Syarikat ABC pada tahun 1987.

...5/-

Syarikat ABC
Kunci Kira-Kira Pada 31hb. Disember, 1987

Aset semasa	\$ 490,000	Liabiliti semasa	\$ 430,000
Pelaburan	635,000	Liabiliti jangka panjang	1,050,000
Harta, loji dan peralatan	1,830,000	Ekuiti pemegang saham	1,826,000
Aset tidak ketara	351,000		
	-----		-----
	\$3,306,000		\$3,306,000
	=====		=====

Maklumat berikut diberikan :

- [i] Aset semasa termasuklah tunai \$104,000 , penghutang \$215,000 tolak \$15,000 bagi peruntukan hutang lapuk, inventori \$195,000 , hasil prabayar \$9,000. Baki tunai terdiri daripada \$116,000 tolak bank oberdraf sebanyak \$12,000. Inventori dinyatakan pada kos terendah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (FIFO) atau pasaran.

- [ii] Pelaburan termasuk nilai penyerahan tunai insuran nyawa sebanyak \$45,000 , pelaburan di dalam saham biasa, jangka pendek \$95,000 dan jangka panjang \$155,000 , dana terikat \$160,000 dan kos penubuhan \$180,000.

- [iii] Harta, loji dan peralatan termasuk bangunan \$960,000 tolak susutnilai terkumpul \$440,000 , peralatan \$630,000 tolak susutnilai terkumpul \$170,000 , tanah \$600,000 dan tanah dipegang untuk kegunaan akan datang \$250,000.

- [iv] Aset tidak ketara termasuklah hakcipta \$176,000, muhibbah \$125,000 dan diskaun di atas debentur belum bayar \$50,000.

- [v] Liabiliti semasa termasuklah akaun belum bayar \$110,000 , nota belum bayar, jangka pendek \$105,000 dan jangka panjang \$90,000 cukai belum bayar \$65,000 dan perasingan bagi kontingensi jangka pendek \$60,000.

...6/-

[vi] Liabiliti jangka panjang terdiri daripada 10% debentur belum bayar yang mesti dibayar pada 1995.

[vii] Ekuiti pemegang saham terdiri daripada 200,000 saham terutama yang dibenarkan yang bernilai \$6 tiap-tiap satu dan 70,000 saham terutama yang diterbitkan.

Ekuiti juga terdiri daripada 400,000 saham biasa yang bernilai \$1 tiap-tiap satu dan 100,000 saham biasa yang diterbitkan dan perolehan tertahan yang belum diagihkan sebanyak \$406,000.

Dikehendaki:

Sediakan kunci kira-kira di dalam bentuk yang betul.

[b] Penganalisa saham baru-baru ini telah menyatakan bahawa kunci kira-kira adalah lebih kritikal daripada penyata pendapatan. Ia menyatakan bahawa "Anda boleh menunjukkan keuntungan yang tinggi dengan menyembunyikan inventori".

Apakah yang dimaksudkannya itu? Jelaskan dan berikan contoh-contoh yang anda fikir sesuai.

[25 markah]

4. Kunci Kira-kira Jumbo Berhad bagi tahun 19-1 dan 19-2 adalah seperti berikut :

	19-1 ----	19-2 ----
	\$	\$
Modal Syer Biasa	10,000	15,000
8% Syar Terutama Boleh Tebus	5,000	-
Akaun Premium Syer	2,000	2,500
Rezab Am	8,000	10,000
Perolehan tertahan	6,000	9,000
	-----	-----
	31,000	36,500

...7/-

9% Debentur	7,000	5,000
Pemiutang	5,000	4,000
Dividen Dicadang	2,000	3,000
Pencukaian	1,000	1,500
	-----	-----
	46,000	50,000
	=====	=====

Diwakili oleh :

Aset Tetap (Kos Tolak Susutnilai) ...	15,000	23,000
Pelaburan	10,000	8,000
Stok	8,000	10,000
Penghutang	6,000	4,000
Wang Tunai di Bank	4,000	3,000
Wang Tunai di Tangan	3,000	2,000
	-----	-----
	46,000	50,000
	=====	=====

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN 19-2

		\$
Untung Niaga	-	12,500
Tolak Susutnilai ke atas Aset Tetap	-	3,000

Keuntungan Bersih sebelum Pencukaian	-	9,500
Tolak Pencukaian	-	1,500

Untung Bersih selepas Pencukaian ...	-	8,000
Tolak Dividen Dicadang	3,000	-
Pemindahan ke Rezab Am	2,000	5,000
	-----	-----
Untung belum diagih bagi tahun (dipindahkan ke perolehan tertahan)	-	3,000
		=====

Catitan :

- [a] Pelaburan yang mempunyai nilai buku sebanyak \$2,000 telah dijual dengan harga \$2,500 tunai dan mendapat untung sebanyak \$500. Untung itu telah dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.
- [b] 5,000 Syer Biasa berharga \$1 telah dikeluarkan untuk mendapatkan wang tunai dengan harga \$1.20 bagi membiayai penebusan Syer Terutama. Syer Terutama itu telah ditebus pada premium 10%.

...8/-

Dikehendaki :

- [i] Sediakan penyata perubahan kedudukan kewangan bagi tahun 1987 dengan menggunakan asas modal kerja dan asas tunai.
- [ii] Apakah kegunaan penyata ini dan bagaimanakah ia boleh menolong pengguna?
- [iii] Apakah perbezaan utama di antara penyata perubahan kedudukan kewangan berdasarkan tunai dan berdasarkan modal kerja?

[25 markah]

5. [a] Oleh kerana kos minyak petrol yang tinggi Syarikat DEF telah mengambil keputusan untuk menukarkan 4 daripada vannya yang menggunakan minyak petrol dengan 4 van yang menggunakan minyak diesel. Jadual yang berikut telah diberikan :

Van Lama Yang Menggunakan Minyak Petrol			Van Lama Yang Menggunakan Minyak Diesel	
Nombor Van	Nilai Buku	Nilai Saksama	Harga Senarai	Tunai Dibayar (Diterima)
165	\$5,500	\$6,000	\$10,000	\$ 3,000
1984	8,900	7,000	10,000	2,500
171	13,000	10,500	10,000	(1,500)
88	4,400	3,000	10,000	6,000

Dikehendaki :

- [i] Dengan menggunakan kaedah nilai buku, tunjukkan catitan jurnal urusan niaga penukaran di atas bagi setiap van.
- [ii] Dengan menggunakan kaedah nilai saksama, tunjukkan catitan jurnal urusan niaga penukaran di atas bagi setiap van.

[b] Syarikat XYZ telah membeli satu penjana kuasa (generator) baru bagi lojinya yang mempunyai kos \$210,000. Penjana kuasa ini dijangka mempunyai usia penggunaan 5 tahun dan nilai baki sebanyak \$50,000. Jumlah kuasa elektrik yang dijanakan dianggar akan berkurangan pada kadar 3% daripada kapasiti asal setiap tahun.

Jurutera pengeluaran menyatakan "mengikut pengetahuan saya di dalam bidang perakaunan, susutnilai penjana kuasa mesti menggambarkan jumlah keuntungan syarikat yang menurun pada kadar yang konstan di sepanjang usiagunanya".

Dikehendaki :

- [i] Terangkan kepada jurutera itu cara-cara susutnilai yang boleh digunakan bagi menyusutnilaikan penjana kuasa berdasarkan kepada aspek teori dan praktikal.
- [ii] Apakah sifat-sifat yang paling utama bagi aset tidak ketara di bawah ini :
- o paten (patent)
 - o tanda niaga (trademark)
 - o penyelidikan dan pembangunan
 - o muhibbah

[25 markah]

-- oooo000oooo --

